

# Sebelas terima anugerah

BH 1 6 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Sebelas tokoh daripada pelbagai bidang kerjaya termasuk seorang bukan Islam menerima anugerah Maulidur Rasul 1421 Hijrah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan besar mereka kepada masyarakat serta negara.

Mereka ialah Sarjan Rosmadi Ruslan, Mejar Mohamad Rizan Mat Hasan, Annuar Tan Abdullah, Cif Inspektor Mit a/l Emong, Abdul Razak Idris, Sazali Abdul Karim, Yahaya Mohd Ali; Mohamed Yunus, Abdul Razak Abdul Hamid, Elna Abdul Aziz dan Datuk Ir Hamzah Hasan.

Anugerah disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini hari ini.

Mereka menerima wang tunai RM1,000, plak, sijil serta buku.

Hadir sama, Raja Permai-

suri Agong, Tuanku Siti Aishah: Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Penerima anugerah itu terpilih berdasarkan sumbangan besar dan jasa mereka kepada kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat, sejajar dengan tuntutan fardu kifayah.

Abdul Razak yang juga Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah terpilih menerima anugerah berdasarkan pencapaian luar biasa beliau membuat 44 tangkapan membabitkan pertuduhan wang berjumlah RM47 juta.

Cif Inspektor Mit, satu-satunya penerima bukan Islam, dipilih kerana komitmennya yang tinggi dalam menjalankan tugas sebagai penyiasat dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sepanjang sembelan tahun bertugas di PDRM,

Mit menyelesaikan sejumlah 1,940 kes jenayah.

Sementara itu, penerima tunggal anugerah wanita, Elna Abdul Aziz (Pengurus Besar Setia Putrajaya Sdn Bhd), terpilih bagi mengiktiraf semangat dan ketabahan dalam mengendalikan pelbagai projek pembinaan termasuk Pejabat Perdana Menteri dan kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Annuar Tan Abdullah, 65, berketurunan Sino/Tutong dari Sabah, pula dipilih kerana banyak membabitkan diri dengan kerja sukarela dan dakwah, khususnya kepada saudara baru bagi menghayati Islam.

Sementara itu, Abdul Hamid, dalam ucapan alu-aluannya mengajak umat Islam mensyukuri nikmat Allah dalam erti sebenar bersesuaian dengan tema sambutan Maulidur Rasul tahun ini iaitu 'Bersyukur Tanda Keteguhan Iman'.

Abdul Hamid berkata, Islam mengajar umatnya bu-

kan sahaja bersyukur kepada Allah kerana rahmat dan inayahNya, malah berterima kasih kasih kepada mereka yang berusaha sehingga membawa kepada pengummaan nikmat itu.

“Malah terdapat hadis yang bermaksud: ‘Tidak sempurna kesyukuran kepada Allah kalau tidak ada terima kasih sesama manusia’.” katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdul Hamid kesal kerana berlaku kekeliruan di kalangan masyarakat Islam berhubung erti kesyukuran akibat tindakan parti pembangkang kerana tujuan politik.

Katanya, mereka terbahit sengaja memberi maksud sempit erti kesyukuran supaya rakyat tidak berterimakasih kepada kerajaan dan seterusnya membenci pemimpin dan kerajaan.

“Kita berharap rakyat faham. Jika ada orang cakap tidak perlu berterima kasih kepada manusia, itu adalah kempen politik,” katanya.